



### Berderma Untuk Rumah Berhala

En. Ahmad bin Haji Mahmud dari Alor Setar Kedah

bertanya:

1. Bolehkah kita orang-orang Islam menderma untuk mendirikan rumah berhala?

2. Bolehkah kita menghadiri pembukaan rumah berhala tersebut sebagai meraikan masyarakat sesuatu kaum?

#### Jawapannya:

Mengenai soal saudara **yang pertama**: Baiklah kami terangkan terlebih dahulu apa yang dikatakan “berderma” itu. Berderma ertinya membelanjakan wang ringgit atau sebarang matabenda yang berharga sebagai bantuan kepada pihak yang memerlukan akan bantuan tersebut. Dan berderma itu adalah salah satu perbuatan yang baik, kerana dia termasuk dalam perkara-perkara kebajikan, sedang tiap-tiap kebajikan itu agama Islam menggalakkannya, bahkan Islam menyeru agar umatnya bertolong-tolongan di dalam perkara kebajikan. Ini telah dijelaskan oleh Allah di dalam al-Qur’ān ayat 3 *Sūrah al-Mā’idah* berbunyi:

*Wa ta’āwanū ‘alā al-birri wa al-taqwā* ertinya: “Bertolong-tolonganlah kamu dalam perkara kebajikan dan takwa (kebaktian kepada Allah)!”

Apalagi jika derma itu ditujukan pada jalan Allah — bukan kerana bermuka-muka atau terpaksa — maka balasan yang akan diterima akan berlipat ganda dari 10 kebajikan

sampai 700 kebajikan. Ini juga telah dijelaskan oleh Allah dengan firman-Nya pada ayat 261 *Sūrah al-Baqarah* yang berbunyi *Mathalu alladhīna yunfiqūna amwālahum fī sabīli Allāhi ka mathali ḥabbatin anbatat sab‘a sanābila fī kulli sunbulati mi’atu ḥabbah, wa Allāhu yuḍā’ifu li man yashā’u, wa Allāhu wāsi‘u ‘alīm.*

Ertinya: “Dimisalkan orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah (kebajikan) seperti sebiji benih yang tumbuh menjadi tujuh tangkai, pada tiap-tiap setangkai mengandungi pula seratus biji. Allah melipat gandakan (pahala) bagi siapa-siapa yang dikehendaki-Nya. Allah luas Kurnia-Nya lagi Mengetahui.”

Selain dari itu, hendaklah tiap-tiap seorang itu ikhlas hatinya semasa berderma, supaya amalnya itu diterima Tuhan dan dapatlah pahala sebagaimana Tuhan telah menjanjikannya. Di samping itu hendaklah berhati-hati jangan sampai membangkit-bangkit apa yang telah didermakannya dan janganlah pula mengumpat sehingga menyakit hati orang yang mendengarnya. Maka perbuatan tersebut menyebabkan dermanya itu terbatal dan menjadi rosak serta sia-sia. Ini telah dijelaskan oleh Allah dengan firman-Nya pada ayat 264 *Sūrah al-Baqarah* yang berbunyi *Yā ayyuhā alladhīna āmanū lā tubḥilū ṣadaqātikum bi al-manni wa al-adhā*

Ertinya: Hai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu batalkan sedekah (derma) kamu itu dengan bangkitan dan menyakiti hati.” Maksudnya: Orang yang telah berderma tetapi kemudian membangkit-bangkit dan menyakiti hati orang yang mendengarnya, dermanya atau sedekahnya tidak akan diterima oleh Allah — yang bererti rugilah ia.

Kemudian di sini apa yang dimaksudkan dengan “rumah berhala” itu. Biasanya yang dikatakan rumah berhala itu ialah rumah tempat beribadah bagi kaum yang menganut sesuatu agama. Mereka yang mengerjakan ibadah di rumah itu, agama Islam telah menganggap pekerjaan mereka sebagai suatu ibadah yang sesat. Kerana dalam ibadah mereka ada mengandungi perkara-perkara syirik, disebabkan mereka

menyekutukan Allah dengan berhala. Dan perbuatan menyekutukan Allah itu adalah salah satu dosa yang paling besar.

Maka bertolong-tolongan — yang berupa sokongan, bantuan, beryuran, menderma dan sebagainya — di dalam perkara-perkara yang yang mengandungi dosa dan maksiat adalah dilarang dan tidak dibenarkan sama sekali oleh agama Islam. Ini berdalilkan dengan sambungan ayat 3 *Sūrah al-Mā'idah* tadi yang berbunyi *Wa lā ta'āwanū 'alā al-ithmi wa al-'udwān*

Ertinya: “Dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada perkara yang mendatangkan dosa dan (yang menyebabkan) permusuhan!”

Kesimpulannya: Bahawasanya **berderma** (yang bererti juga menolong) untuk mendirikan **rumah berhala** (yang bererti mengekalkan adanya dosa) adalah dilarang oleh agama Islam.

Dalam pada itu hendaklah kita mengingat pula dengan lebih jauh lagi akan akibat dari perbuatan menolong mengekalkan maksiat itu boleh menimbulkan dosa yang berpanjang-panjang, sebagaimana perbuatan menolong mengekalkan kebajikan boleh menimbulkan pahala yang berpanjang-panjang pula. Dalam hubungan ini kita bawakan sebuah hadith Nabi (S.A.W) yang kira-kira ertinya demikian:

“Barangsiapa memulakan di dalam Islam rancangan yang baik, lalu dikerjakan oleh orang ramai kemudian daripadanya, adalah ditulis baginya pahala sebanyak pahala orang-orang yang mengerjakannya dengan tidak mengurangi sesuatu pun daripada pahala mereka. Dan barangsiapa memulakan sesuatu rancangan yang jahat di dalam Islam, lalu dikerjakan oleh orang ramai kemudian daripadanya, adalah ditulis baginya dosa sebanyak dosa orang-orang yang mengerjakannya dengan tidak mengurangi sesuatu pun daripada dosa-dosa mereka.”

Daripada apa yang dijelaskan oleh makna hadith tadi kita mendapat kesan; bahawa orang-orang yang berusaha untuk bertolong-tolongan dalam membuat kebajikan seperti mendirikan

sekolah-sekolah, masjid-masjid, rumah-rumah tumpangan orang-orang miskin dan anak-anak yatim dan lain-lain kebajikan bagi meninggikan syiar agama Islam, maka orang yang mula-mula menganjurkan rancangan kebajikan itu akan mendapat pahalanya terus-menerus selagi orang ramai masih mengikut jejaknya.

Sebaliknya orang yang menganjurkan rancangan-rancangan yang jahat umpamanya, atau merugikan masyarakat, atau menjatuhkan moral dan akhlak, atau merosakkan agama, bangsa dan tanah air, seperti merancang pakatan jahat, atau menggalakkan majlis joget dan tari-menari yang di dalamnya bercampur gaul antara lelaki dan perempuan yang dimeriahkan pula oleh minuman-minuman keras dan hidangan-hidangan yang mebazir<sup>1</sup>, atau mengadakan majlis-majlis peraduan cantik yang memperagakan tubuh badan dan aurat baik yang setengah atau yang tiga suku telanjang, atau apa-apa pun usaha yang disarankan kononnya sebagai usaha amal — walhal semuanya tadi jelas haramnya di sisi agama dan menjadi larangan agama — maka orang-orang yang menganjurkan dan semua orang yang bersyubhah di dalam rancangan-rancangan haram tersebut, akan menerima dosa dan laknat daripada Tuhan, selagi rancangan itu berjalan ia akan menerima sebanyak dosa orang-orang yang menganjurkannya terus-menerus.

Mengenai soalan saudara **yang kedua**: Bahawasanya menghadiri pembukaan rumah berhala jika dengan niat bersimpati kepadanya yang bererti reda, maka para ulama ada mengatakan: “Reda kepada perkara maksiat adalah dikira maksiat.”

Mudah-mudahan apa yang dijelaskan di atas dapatlah kiranya menjadi ingatan bagi kita semua supaya berhati-hati di dalam memberikan derma dan bakti, janganlah sampai meletakkan sesuatu bukan pada tempatnya, kerana ini bererti zalim dan aniaya namanya. Tetapi pilihlah rancangan yang baik dan diredai Allah dan rasul-Nya. *Wa Allāhu a'lam.*

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah membazir.